

**Presiden Republik Czech Terima Kunjungan Hormat Daripada Najib  
Bernama  
05 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Republik Czech Vaclav Klaus serta isteri Livia Klausova di hotel penginapan beliau di sini.

Najib, tiba bersama isteri Datin Seri Rosmah Mansor pada pukul 10.30 pagi, meluangkan masa kira-kira setengah jam bertemu Klaus dan isteri.

Turut hadir Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Douglas Uggah Embas, selaku menteri pengiring.

Rosmah dan Klausova pula mengadakan pertemuan berasingan di hotel berkenaan.

Selesai pertemuan itu, Klaus dan rombongan bertolak ke The Ritz-Carlton di Jalan Imbi untuk menghadiri perbincangan meja bulat anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli).

Klaus tiba di sini semalam untuk lawatan negara selama lima hari ke Malaysia. Ini merupakan lawatan negara kali pertama Klaus sebagai Presiden Republik Czech bagi memenuhi jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Terdahulu, Klaus dan isteri turut menerima kunjungan hormat daripada Tuanku Abdul Halim dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah di hotel itu selepas upacara sambutan negara di Dataran Parlimen di sebelah pagi.

Seri Paduka berdua meluangkan masa bersama Klaus dan isteri pada majlis santapan ringan selama setengah jam di hotel berkenaan.

Malam ini Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah akan meraikan Presiden Republik Czech itu pada majlis santapan negara di Istana Negara, Jalan Duta.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678130>